

Insurans Pampasan Pekerja Borang Cadangan

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans **bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.

Notis Penting Kepada Bakal Pemegang Polisi

Pemegang Polisi adalah dinasihatkan supaya membaca polisi dengan teliti dan memahami isi kandungannya. Jika perlu, anda digalakkan agar mendapat penjelasan daripada Pihak Penanggung Insurans.

Liabiliti Syarikat tidak akan bermula sehingga penerimaan borang cadangan telah dimaklumkan kepada Syarikat atau nota perlindungan rasmi telah dikeluarkan.

Semua soalan mesti dijawab oleh pencadang dan tandakan dengan betul di mana yang perlu Mustahak.

DATA SYARIKAT

Nama Pencadang (huruf besar dan seperti mana dalam NRIC / Paspot)								
No. Syarikat			No. KP Baru					
Alamat Surat Menyurat								
Poskod			Negeri					
No. Telefon	P		-		TB		-	
E-mel								
Tempoh Insurans	Dari H H - B B - T T T T Hingga H H - B B - T T T T							
Perniagaan, Perdagangan atau Pekerjaan Pencadang								
Butiran Pekerjaan								
Tempat Pekerjaan								

Sila senaraikan setiap pekerjaan secara berasingan dan masukkan Pekerja Subkontraktor

Keterangan Pekerjaan Pekerja	Anggaran Bagi Tempoh Insurans				Untuk Kegunaan Syarikat			
	Bilangan Pekerja	Upah & Gaji	Elaun Bukan wang*	Keseluruhan Pendapatan	Kadar %	Premium	No. Kelas	No. Pengendorsan/Waranti

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
 Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542 E-mel: customer.service@allianz.com.my

AllianzMalaysia allianz.com.my



WCOCB090301

Keterangan Pekerjaan Pekerja	Anggaran Bagi Tempoh Insurans					Untuk Kegunaan Syarikat			
	Bilangan Pekerja	Upah & Gaji	Elaun Bukan wang*	Keseluruhan Pendapatan	Kadar %	Premium	No. Kelas	No. Pengendorsan/Waranti	
* Jika pekerja diberikan penginapan/makanan/faedah-faedah lain dengan percuma, catatkan anggaran nilai di dalam ruang yang bertajuk "Elaun bukan wang".			Duti Setem	RM10.00	RM	Keseluruhan Premium			
Perhatian : Jika Pekerja Subkontraktor termasuk dalam insurans ini, sila sebutkan Nama-Nama dan Alamat Subkontraktor	Nama	a)	b)		c)				
	Alamat								
1. Adakah Jadual di atas termasuk semua orang yang anda ambil bekerja?									
2. Sila sebutkan mana-mana Loji/Jentera yang tidak ada pagar sempurna/sah yang dikawal menurut keperluan-keperluan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan.									
3. Jika bahan letupan digunakan, sila sebutkan jenis dan setakat mana ia digunakan.									
4. Jika mana-mana Penanggung Insurans pernah menolak untuk memberi perlindungan di bawah "Insurans Pampasan Pekerja", sila berikan butir-butirnya.									
5. Adakah anda memerlukan perlindungan Common Law? Jika ya, premium tambahan akan dikenakan.									
6. Adakah perlindungan diperlukan bagi liabiliti ke atas seseorang pekerja yang menyebabkan kecederaan/kerosakan ke atas sesama pekerjaan semasa menjalankan pekerjaan?									
7. Pernahkah pekerja anda semasa 3 tahun lepas mengalami kecederaan anggota atau penyakit, berpunca daripada dan semasa menjalankan pekerjaan? Jika pernah, berikan bilangan pekerja yang terlibat dan keseluruhan pampasan yang dibayar dan/atau masih belum dibayar?	Tahun	Bilangan		Keseluruhan Pampasan					
				Dibayar	Belum Dibayar				

FASAL WARANTI PREMIUM

Telah menjadi syarat khas yang utama dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang mesti dibayar hendaklah dibayar dan diterima oleh pihak penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini mula berkuat kuasa.

Jika syarat tadi tidak dipatuhi, kontrak insurans ini akan terbatas secara automatik dan pihak penanggung insurans akan diberi hak ke atas premium secara prorata bagi tempoh yang melindungi risiko.

Jikalau premium yang dibayar menurut waranti ini diterima oleh seorang ejen berkuasa pihak penanggung insurans, bayaran tersebut hendaklah disifatkan telah diterima oleh pihak penanggung insurans bagi tujuan-tujuan waranti ini manakala kewajipan (ONUS) untuk membuktikan bahawa premium yang dibayar itu telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium berkenaan adalah terletak pada pihak penanggung insurans.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini ataupun sebaliknya.

AKUAN

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa menurut apa yang saya/kami sesungguhnya ketahui, pernyataan yang terkandung dalam borang cadangan ini adalah betul dan benar dan saya/kami tidak menyelindung, salah menyatakan atau salah memberikan sebarang fakta matan. Saya/Kami bersetuju bahawa pernyataan dan akuan yang terkandung dalam borang cadangan ini hendaklah dijadikan asas kontrak bagi insurans ini dengan pihak Syarikat dan ia juga hendaklah disifatkan telah digabungkan dalam kontrak ini.

- -

Tarikh

Tandatangan Pencadang/Mohor Syarikat

PERHATIAN KEPADA PARA KONTRAKTOR : Di bawah Undang-Undang Pampasan Pekerja jikalau sesiapa sahaja (Prinsipal) semasa menjalankan atau bagi tujuan-tujuan perdagangan atau perniagaan mengikat kontrak dengan sesiapa sahaja yang lain (Kontraktor) untuk melaksanakannya oleh atau di bawah Kontraktor tersebut, keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada sebarang kerja yang dijalankan oleh Prinsipal, maka Prinsipal boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada pekerja kontraktor tadi apabila berlaku kemalangan di atau dekat premis di mana Prinsipal telah menjalankan atau biasanya menjalankan bagi perlaksanaan kerja tersebut ataupun yang berada di bawah kawalan atau pengurusan Prinsipal kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Dalam hal-hal serupa ini, Prinsipal berhak untuk ditanggung rugi oleh Kontraktor.

CUKAI BERKENAAN

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "**Cukai Berkennaan**") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barang dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkennaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkennaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada Premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunakan dengan Cukai Berkennaan.